


# KEMENTERIAN KESIHATAN

## Maksud Bekalan/Pembangunan 42



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
21,714,210,000	Cara Langsung 1,597,702,500 Pinjaman 0	23,311,912,500

### OBJEKTIF

Mewujudkan penglibatan dan penyertaan masyarakat untuk kesihatan bagi merangsang dan memudahkan rakyat untuk :

- (i) Mencapai sepenuhnya kemampuan mereka dalam kesihatan;
- (ii) Menghargai kesihatan sebagai aset yang bernilai; dan
- (iii) Mengambil sikap positif untuk mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kualiti hidup lebih bermutu.

### PELANGGAN

Penduduk Malaysia.

### STRATEGI

- (i) Memantapkan tadbir urus dan penerapan teknologi serta amalan perkhidmatan yang bersesuaian bagi memastikan kesejahteraan sepanjang hayat setiap individu, keluarga dan komuniti;

- (ii) Membangunkan kemahiran dan kompetensi untuk mengurangkan lagi kadar mortaliti dan morbiditi bagi mengukuhkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan;
- (iii) Mewujudkan strategi yang berkesan bagi meningkatkan prestasi organisasi dan mengoptimumkan penggunaan sumber;
- (iv) Memperluaskan penggunaan bukti melalui penyelidikan sebagai asas kepada keputusan yang dibuat di semua peringkat;
- (v) Meningkatkan tahap kesediaan dalam mengurus bencana dan krisis berkaitan kesihatan dengan lebih berkesan; dan
- (vi) Menaik taraf mutu teknologi maklumat dan komunikasi serta informatik kesihatan bagi meningkatkan tahap pengurusan maklumat kesihatan.

## PROGRAM 1 : PENGURUSAN

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan berkesan dari segi pengurusan pentadbiran, sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat, latihan dan kemajuan kerjaya serta khidmat sokongan yang lain ke arah merealisasikan visi dan misi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

### Aktiviti 1 : Pengurusan Ibu Pejabat/Negeri

**Objektif** – Memberi perkhidmatan pentadbiran, kewangan, nasihat perundangan dan khidmat audit supaya matlamat kementerian dapat dicapai dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. perjanjian/Memorandum Persefahaman (MoU) yang digubal	400	400	400
Bil. aduan mengenai KKM yang diselaraskan	5,614	5,900	6,000
Bil. rang undang-undang dan perundangan subsidiari yang disemak/digubal	20	20	20
Bil. Majlis Peringkat Kebangsaan KKM yang diadakan	35	35	35
Bil. laporan audit yang dihasilkan	143	152	155

### Aktiviti 2 : Sumber Manusia

**Objektif** – Memastikan KKM mempunyai sumber manusia dan struktur organisasi yang sempurna bagi memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang cemerlang.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pewujudan jawatan melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM)	18,387	19,738	15,700
Bil. kajian skim perkhidmatan dan insentif	18	16	18

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. urusan perkhidmatan :			
(i) Pengisian jawatan	-	-	14,600
(ii) Pengesahan lantikan	18,041	18,700	19,000
(iii) Urusan pengesahan dalam perkhidmatan	9,880	19,000	19,200
(iv) Pemberian taraf berpencen	11,039	14,500	14,500
Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara <i>time based</i> bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi dibawa ke Lembaga Kenaikan Pangkat KKM dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pegawai layak	-	-	2,423

### Aktiviti 3 : Kewangan

**Objektif** – Memastikan sumber-sumber kewangan diagih dan digunakan dengan cekap dan berkesan serta ditanggung kira mengikut peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. waran	7,898	7,900	7,900
Bil. kelulusan bantuan kewangan kepada pesakit miskin dan aktiviti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) :			
(i) Bil. Tabung Bantuan Perubatan	5,261	6,600	6,800
(ii) Bil. <i>Capital Grant</i> /aktiviti program	19	24	25
Bil. kedatangan pesakit ke Institut Jantung Negara Sdn.Bhd (IJN) yang dibayar KKM :			
(i) penjawat awam	85,835	92,000	99,000
(ii) pesara Kerajaan	78,837	85,000	92,000
(iii) pesakit tak mampu	5,412	5,800	6,300
Bil. baucar bayaran yang diproses di Bahagian Akaun KKM selaku pejabat perakaunan	160,325	172,400	185,500
Bil. tender yang diuruskan	168	283	297

### Aktiviti 4 : Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan

**Objektif** – Merancang, menyediakan dan mengurus latihan sumber manusia kesihatan yang cekap dan berkesan bagi membekalkan sumber manusia kesihatan yang mencukupi untuk menampung keperluan kesihatan sektor awam semasa dan akan datang.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pengambilan pelatih kursus :			
(i) Basik	7,375	5,770	6,000
(ii) Pos basik	3,995	4,400	5,500
Bil. pengambilan pegawai bagi program :			
(i) Sarjana Perubatan	721	800	800
(ii) Sub-kepakaran	132	125	148
(iii) Sarjana Lain-lain Perkhidmatan	143	151	151
(iv) PhD	13	23	23
Peratus pegawai KKM menghadiri kursus 7 hari setahun bagi menepati dasar latihan (%)	94.89	100	100

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pegawai menghadiri kursus jangka pendek luar negara	193	258	260

### Aktiviti 5 : Teknologi Maklumat dan Komunikasi

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pengurusan maklumat kepada KKM dalam usaha ke arah mengkomputerisasikan agensi-agensi di bawahnya bagi memperbaiki dan mempertingkatkan keberkesanan, kualiti dan produktiviti dalam sistem pentadbiran KKM dan kesihatan orang ramai.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. sistem yang diselenggara	40	45	50
Bil. perkakasan yang diselenggara	16,582	22,780	22,780
Bil. pengguna aplikasi 1GovUC	83,803	87,000	87,500
Bil. pengunjung ( <i>hit</i> ) Portal KKM	4,766,565	4,900,000	5,000,000

### Aktiviti 6 : Pembangunan Kompetensi

**Objektif** – (a) Memastikan urusan Penilaian dan Pembangunan Kompetensi dan Potensi dikendalikan secara cekap dan berkesan untuk mengenal pasti pegawai yang berkemampuan dan berpotensi untuk kemajuan dan pembangunan kerjaya pegawai, melahirkan pegawai berprestasi tinggi dan memantapkan keupayaan sumber manusia supaya lebih kompeten, berpengetahuan dan memiliki ciri-ciri peribadi yang positif ke arah peningkatan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam; dan (b) Melaksanakan sistem Penilaian dan Pembangunan Kompetensi dan Potensi penjawat awam KKM di bawah konsep Pengurusan Sumber Manusia Berasaskan Kompetensi dan Potensi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Pelaksanakan Latihan melalui Pusat Pembangunan Potensi/ Kompetensi (PDC) :			
(i) Jumlah siri latihan	5	5	5
(ii) Jumlah calon hadir	200	200	200
Pengendalian <i>Training of Trainers</i> (TOT) bagi program Latihan Berasaskan Kompetensi (CBT) :			
(i) Bil. siri TOT	1	1	1
(ii) Bil. peserta TOT	40	40	80
Pengendalian Latihan Berasaskan Kompetensi (CBT) kepada Pembantu Tadbir :			
(i) Bil. siri latihan	6	6	6
(ii) Bil. peserta	200	200	250

### PROGRAM 2 : KESIHATAN AWAM

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan kesihatan awam meliputi aspek penggalakan, pencegahan, kawalan rawatan dan pemulihan kesihatan masyarakat ke arah mencapai taraf kesihatan yang baik dan mengelakkan dari berlaku dan merebaknya penyakit; dan (b) Memastikan masyarakat memperolehi dan menikmati kemudahan-kemudahan

perkhidmatan kesihatan serta menggalakkan mereka mengambil bahagian secara aktif dalam proses perubahan sikap dan gaya hidup yang positif.

### Aktiviti 1 : Pengurusan Kesihatan Awam Ibu Pejabat/Negeri

**Objektif** – Memberikan perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan sumber Kesihatan Awam yang cekap dan berkesan supaya semua aktiviti Program Kesihatan Awam dapat mencapai objektifnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Peratus anggota Program Kesihatan Awam mencapai sasaran menghadiri Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) 7 hari setahun:			
(i) Ibu pejabat (%)	100	100	100
(ii) Jabatan Kesihatan Negeri (%)	88.2	100	100
Peratus Pejabat Kesihatan Daerah yang menyediakan perkhidmatan pakar oleh Pakar Perubatan Kesihatan Awam (%)	65	68	70
Peratus Kejayaan Operasi Penguatkuasaan yang dijalankan berbanding operasi yang dirancang(%)	96	85	90
Peratus kes pelanggaran di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP), Tahun 1975 yang didaftar ke mahkamah berbanding jumlah fail siasatan yang dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya (%)	84	85	85

### Aktiviti 2 : Pembangunan Kesihatan Keluarga

**Objektif** – Meningkatkan dan mengekalkan kesihatan fizikal, mental dan sosial individu, keluarga dan komuniti melalui satu perkhidmatan kesihatan primer yang mudah didapati, bersepadu, gender responsif, rakan pelanggan dan berkualiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. kedatangan pesakit ke klinik kesihatan	47,719,763	49,000,000	51,800,000
Peratus liputan ibu yang menerima jagaan kesihatan pra-natal di kemudahan kesihatan awam (tren menurun) (%)	82.7	83	83
Peratus liputan pelalian <i>measles</i> di kalangan yang berumur 12 bulan <i>Millennium Development Goals-4</i> (MDG-4) (%)	96.6	≥ 95	≥ 95
Bil. pelanggan yang mendapat perkhidmatan di :			
(i) Rumah	5,607,019	5,610,000	6,000,000
(ii) Sekolah	2,069,329	2,080,000	2,090,000
(iii) Jum. Institut warga emas dan OKU	27,050	27,000	28,000
Bil. ujian makmal yang dijalankan di klinik kesihatan (peningkatan 10-13% setiap tahun)	84,916,297	93,000,000	102,000,000

### Aktiviti 3 : Kawalan Penyakit

**Objektif** – Mengurangkan morbiditi dan mortaliti yang disebabkan oleh penyakit sehingga ia tidak lagi menjadi masalah kesihatan awam yang utama di Malaysia dengan misi menyediakan perkhidmatan perancangan, pemantauan dan penilaian program pencegahan dan kawalan penyakit, mantap, cekap dan berkesan secara berterusan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. kes denggi yang dilaporkan	43,346	60,000	54,000
Insiden kes malaria tempatan ( <i>indigenous</i> ) bagi setiap 100,000 penduduk	3.7	3.0	2.4
Peratus kadar kes TB yang dikesan (%)	95	98	98
Bil. kadar notifikasi kes HIV baru bagi setiap 100,000 penduduk	11.42	11.5	11.0
Peratus pesakit diabetes <i>type 2</i> yang mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan KKM yang mencapai HbA1c kurang dari 6.5% (%)	20.5	22	24

### Aktiviti 4 : Pendidikan Kesihatan

**Objektif** – Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran, membentuk sikap positif masyarakat serta menggalakkan amalan cara hidup sihat melalui aktiviti promosi kesihatan yang berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. aktiviti Bual Bicara Kesihatan melalui televisyen	24	24	24
Bil. tajuk bahan-bahan bercetak Pendidikan Kesihatan yang diterbitkan	90	50	50
Bil. Hits Pengguna Portal MyHealth	1,270,000	3,000,000	3,300,000
Bil. Liputan sekolah rendah yang menubuhkan Kelab Doktor Muda	1,916	2,209	2,509
Bil. Projek COMBI Denggi baru yang dilaksanakan oleh komuniti	110	110	110

### Aktiviti 5 : Pemakanan

**Objektif** – Mencapai dan mengekalkan kesejahteraan pemakanan yang optimum di kalangan rakyat Malaysia melalui aktiviti penggalakan dan promosi amalan pemakanan sihat serta gaya hidup aktif yang berterusan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Peratus bayi pada umur enam bulan yang menyusu susu ibu secara eksklusif (%)	36.6	38	38
Peratus kanak-kanak bawah lima tahun yang mempunyai masalah berat badan (%)	2.8	3	3
Peratus murid tahun enam yang mempunyai masalah obesiti (%)	8.9	9.5	9.5
Peratus ibu hamil anemia (hemoglobin bawah 11g/dl) pada minggu ke-36 kehamilan (%)	11.8	11.8	11.8

## Aktiviti 6 : Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam

**Objektif** – Meningkatkan akses kepada ubat, vaksin, bukan ubat dan reagen secara sama rata melalui pengurusan kewangan yang berkesan serta memastikan penggunaan ubat-ubat penting yang selamat, berkesan, berkualiti dan secara rasional bagi memperbaiki kesihatan rakyat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Peratus fasiliti kesihatan mempunyai simpanan stok ubat yang optima 2-3 bulan (%)	54	60	65
Peratus fasiliti kesihatan yang mempunyai stok vaksin yang optima 1-2 bulan (%)	23	50	60

## PROGRAM 3 : PERUBATAN

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan perubatan yang komprehensif, berkesan, mudah diperolehi, selesa, berteknologi sesuai serta meningkatkan piawaian kualiti ke arah kecemerlangan kepada pesakit yang memerlukan perkhidmatan; dan (b) Memastikan Pengamal Perubatan dan Anggota Perubatan yang terlatih, berkebolehan, kompeten, mahir dan berpengetahuan tinggi dalam usaha untuk memberi perkhidmatan perubatan yang selamat dan menyeluruh merangkumi perkhidmatan promosi, pencegahan, pemulihan dan rehabilitasi selaras dengan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

### Aktiviti 1 : Pengurusan Perubatan Ibu Pejabat/Negeri

**Objektif** – Merancang, menyelaraskan, mengawas dan menilai pelaksanaan program rawatan perubatan agar lebih cekap, berkesan dan mudah diperolehi oleh pelanggan serta memastikan aduan yang berkaitan dan aktiviti penguatkuasaan dikendalikan seperti mana yang ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. klinik perubatan swasta yang berdaftar	6,801	7,100	7,400
Bil. hospital swasta yang berlesen	192	200	210
Bil. <i>Annual Practising Certificate</i> (APC) yang dikeluarkan kepada pegawai perubatan	30,044	32,000	34,000
Bil. <i>Annual Practising Certificate</i> (APC) yang dikeluarkan kepada Jururawat	112,738	120,000	126,000

### Aktiviti 2 : Pengurusan Hospital

**Objektif** – Memastikan bahawa semua jenis perkhidmatan yang disediakan di hospital adalah bersesuaian dan cekap di samping membantu aktiviti-aktiviti lain agar dapat mencapai objektif yang ditentukan melalui pengurusan rekod perubatan pesakit, penyediaan statistik dan laporan perubatan pesakit yang lebih sistematik.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. rekod perubatan yang diuruskan (jumlah termasuk pesakit)	2,163,082	2,270,000	2,400,000
Bil. rawatan pesakit luar	1,921,326	2,020,000	2,120,000

### Aktiviti 3 : Kecemasan dan Pesakit Luar

**Objektif** – Perkhidmatan Kecemasan dan Kemalangan beroperasi atas objektif memberi rawatan yang cepat dan segera kepada perkara: (i) Rawatan kecemasan dan definitif bagi kes – kes perubatan, pembedahan, kemalangan dan lain-lain yang hadir ke Jabatan Kecemasan; (ii) Bertindak dengan segera ke atas keperluan kecemasan dan bencana di kawasan kejadian dan memberikan perkhidmatan pra-hospital bagi mangsa-mangsa terlibat; serta (iii) Memberi rawatan awalan dan definitif kepada kes-kes penderaan kanak-kanak, penderaan rumah tangga, penderaan seksual dan keganasan ke atas wanita.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit baru di Jabatan Kecemasan	6,955,082	7,303,000	7,670,000
Bil. pesakit ulangan di Jabatan Kecemasan	578,897	607,000	637,000

### Aktiviti 4 : Rawatan Pesakit Dalam

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan diagnosa penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian, mencukupi, selesa, berkesan dan mudah diperolehi oleh orang ramai yang memerlukan *institutional care*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit dalam	2,163,082	2,270,000	2,380,000
Bil. pembedahan	1,050,925	1,103,000	1,160,000

### Aktiviti 5 : Perubatan Am

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian, mencukupi, berkesan dan mudah diperolehi bagi pesakit luar di klinik-klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) bagi pesakit dewasa melibatkan perkhidmatan kepakaran Hematologi, perubatan paliatif, Hepatologi, Gastroenterologi, Rheumatologi, Penyakit Berjangkit, Geriatrik dan Endokrinologi; (b) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan; (c) Untuk mengembalikan keadaan pesakit-pesakit dengan masalah kompleks yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik kepada keadaan optima; (d) Memberi rawatan, menstabilkan dan berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga; dan (e) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga dan (f) Memastikan semua pesakit di bawah kategori perubatan am yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sepatutnya.



Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	1,028,601	1,080,000	1,134,000
Bil. pesakit dalam	532,708	560,000	600,000

#### Aktiviti 6 : Pembedahan Am

**Objektif** – (a) Memulihkan pesakit-pesakit yang menghidap penyakit-penyakit memerlukan rawatan pembedahan supaya mencapai taraf kesihatan yang optima; (b) Mengurangkan kadar infeksi selepas pembedahan; (c) Mengurangkan komplikasi dan ketidakselesaian kepada pesakit-pesakit semasa menerima rawatan pembedahan; dan (d) Meningkatkan kesedaran kepada orang ramai akan pentingnya mendapatkan rawatan perubatan secepat mungkin serta lebih bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan masing-masing.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	652,637	680,000	720,000
Bil. pesakit dalam	207,709	220,000	231,000
Bil. pembedahan am	251,617	265,000	280,000

#### Aktiviti 7 : Obstetrik dan Ginekologi

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan rawatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) termasuk sub-kepakaran bagi memastikan kejayaan kelahiran bayi dan keselamatan ibu-ibu bersalin (obstetrik), khususnya kes-kes obstetrik yang berisiko tinggi dan memulihkan pesakit-pesakit yang mengalami masalah sakit puan (ginekologi) bagi mencapai tahap kesihatan selaras dengan piawaian-piawaian yang telah ditetapkan dengan mengambil kira keperluan gender.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. kemasukan pesakit Obstetrik setahun	482,367	506,000	540,000
Bil. kelahiran bayi	319,310	340,000	360,000
Bil. pesakit Klinik Pakar O&G (pesakit luar)	706,606	742,000	780,000
Bil. rawatan pembedahan <i>Lower Section Caesarean Section</i> (LSCS)	62,605	66,000	70,000

#### Aktiviti 8 : Pediatrik

**Objektif** – (a) Mengurangkan kadar kematian bayi (*Infant Mortaliti Rate*) terutama yang baru dilahirkan dan mengembalikan keadaan kesihatan yang optima dan mengurangkan kesan-kesan jangka panjang penyakit-penyakit yang dihadapi oleh kanak-kanak; dan (b) Mengenal pasti penyakit yang dihadapi oleh remaja lelaki dan perempuan, memberi rawatan komprehensif serta memberi pendidikan dan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan dan perawatan kepada pesakit, ibu bapa dan keluarga ke arah mempertingkatkan rawatan, penyembuhan dan pemulihan kepada pesakit-pesakit remaja selaras dengan *evidence based medical practice*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (rawatan am) – Klinik Pakar	539,699	570,000	600,000
Bil. pesakit dalam (rawatan am)	131,605	140,000	147,000

### Aktiviti 9 : Ortopedik

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, pengurusan terapeutik dan rehabilitasi yang bermutu tinggi kepada pesakit yang mengalami trauma dan penyakit yang berhubung dengan sistem rangka dan otot penggerak; (b) Memberi perkhidmatan latihan dalam bidang ortopedik, trauma dan rehabilitasi kepada pegawai perubatan, paramedik dan lain-lain kakitangan, dan (c) Menggalakkan dan menjalankan program penyelidikan dan perkembangan (dari aspek teknologi dan tenaga manusia) dalam bidang ortopedik, trauma dan rehabilitasi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	911,732	960,000	1,008,000
Bil. pesakit dalam	131,605	140,000	147,000
Bil. pembedahan	317,413	333,000	350,000

### Aktiviti 10 : Anestesiologi dan Rawatan Rapi

**Objektif** – Memberikan rawatan pra pembiusan, pembiusan semasa pembedahan dan selepas pembedahan serta rawatan rapi yang komprehensif dan efektif kepada pesakit-pesakit agar kembali pulih dan hidup dengan kualiti hidup yang tinggi selaras dengan piawaian-piawaian atau standard perubatan diamalkan di Malaysia dan antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit dewasa dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)	9,027	9,500	10,000
Bil. pesakit luar klinik Anesthesia	59,455	62,000	66,000

### Aktiviti 11 : Oftalmologi

**Objektif** – Memberi perkhidmatan oftalmologi yang berkesan dan cekap supaya kes-kes kecacatan penglihatan yang boleh dielakkan dapat dikurangkan. Memperbaiki keadaan pesakit-pesakit yang kurang daya penglihatan serta mereka yang menghadapi penyakit mata yang lain selaras dengan perkembangan terkini.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	933,389	980,000	1,030,000
Bil. pesakit dalam	32,201	34,000	40,000
Bil. pembedahan elektif	58,746	62,000	65,000
Bil. pembedahan kecemasan	9,167	9,600	10,000

## Aktiviti 12 : Otorinolaringologi (ENT)

**Objektif** – Memberikan rawatan pembedahan ENT yang komprehensif dan efektif kepada pesakit-pesakit yang mengalami masalah telinga, hidung dan tekak agar dapat meningkatkan kualiti hidup, kadar pertumbuhan dan pemulihan serta tahap kesedaran selaras dengan piawai-piawai atau standard perubatan dan pembedahan ENT yang diamalkan di Malaysia dan antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	541,218	570,000	600,000
Bil. pesakit dalam (kemasukan wad)	17,444	18,000	19,000
Bil. pembedahan	50,426	53,000	56,000

## Aktiviti 13 : Dermatologi

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik-klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) bagi pesakit Dermatologi, perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan; (b) Mengembalikan keadaan pesakit-pesakit dengan masalah kompleks yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik kepada keadaan kesihatan optima; (c) Memberi rawatan, menstabilkan dan berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga; (d) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada para doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga; (e) Memastikan semua pesakit Dermatologi yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sewajarnya; (f) Mengurangkan kejadian morbiditi, mortaliti, kesusahan sosial/kosmetik dan kehilangan produktiviti akibat penyakit Dermatologi; serta (g) Mengurangkan insiden kejadian penyakit Dermatologi serta komplikasi yang berlaku.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baru)	60,141	63,000	66,000
Bil. pesakit luar (ulangan)	245,240	260,000	273,000
Bil. pesakit dalam	955	1,000	1,050
Bil. pesakit dalam (rawatan Kusta)	83	90	100

## Aktiviti 14 : Neurologi

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik-klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) bagi pesakit Neurologi, perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan; (b) Mengembalikan keadaan pesakit-pesakit dengan masalah kompleks yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik kepada keadaan kesihatan optima; (c) Memberi rawatan, menstabilkan dan berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga; (d) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada para doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga; (e) Memastikan semua pesakit Neurologi yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sewajarnya; (f) Mengurangkan kejadian morbiditi, mortaliti, kesusahan sosial/kosmetik dan kehilangan produktiviti akibat penyakit neurologi; serta (g) Mengurangkan insiden kejadian penyakit Neurologi serta komplikasi yang berlaku.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	38,192	40,000	42,000
Bil. pesakit dalam	4,215	4,400	4,600

### Aktiviti 15 : Nefrologi

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik-klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang berkesan bagi pesakit Nefrologi untuk mengembalikan keadaan pesakit-pesakit kepada keadaan kesihatan optima serta berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga, seterusnya mengurangkan kejadian morbiditi, mortaliti, kesusahan sosial/kosmetik dan kehilangan produktiviti akibat penyakit buah pinggang.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baru)	12,607	13,000	14,000
Bil. pesakit luar (ulangan)	143,656	151,000	159,000

### Aktiviti 16 : Pembedahan Neuro

**Objektif** – Memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit yang menghidap penyakit-penyakit atau keadaan yang berkaitan dengan sistem otak dan saraf yang memerlukan rawatan secara pembedahan atau rawatan sewajarnya secepat mungkin.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	41,457	44,000	46,000
Bil. pesakit dalam	8,785	9,200	9,700
Bil. pembedahan	12,238	13,000	14,000

### Aktiviti 17 : Urologi

**Objektif** – Memberikan rawatan pembedahan Urologi yang komprehensif dan efektif kepada pesakit-pesakit yang mengalami masalah penyakit genitourinari agar dapat meningkatkan kualiti hidup, kadar penyembuhan dan pemulihan serta tahap kesedaran selaras dengan piawai-piawai atau standard perubatan dan pembedahan Urologi yang diamalkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	127,521	134,000	140,000
Bil. pesakit dalam (kemasukan wad)	9,016	9,500	10,000
Bil. pembedahan	25,123	26,000	28,000

### Aktiviti 18 : Pembedahan Plastik

**Objektif** – Memberi rawatan kepakaran Pembedahan Plastik & Rekonstruktif kepada pesakit yang mempunyai kecacatan semulajadi sejak lahir (*congenital*) atau yang disebabkan oleh kecederaan (*acquired*) atau menghidap penyakit tertentu seperti ketumbuhan melalui pembedahan rekonstruktif supaya pesakit boleh menjalani kehidupan secara normal.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	51,868	55,000	57,000
Bil. pesakit dalam	3,996	4,200	4,400
Bil. pembedahan elektif	7,056	7,400	7,800
Bil. pembedahan kecemasan	3,531	3,700	3,900

### Aktiviti 19 : Radioterapi dan Onkologi

**Objektif** – Merawat pesakit kanser melalui rawatan kemoterapi dan radioterapi dengan tujuan menyembuhkan kesan penyakit kanser, termasuk aspek-aspek rawatan paliatif seperti psikologi, kaunseling dan *hospice care*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	84,148	88,400	93,000
Bil. pesakit dalam	16,666	17,500	18,400

### Aktiviti 20 : Pengimejan Diagnostik

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pengimejan diagnostik yang cekap, tepat, berkualiti, berteknologi dan berkesan bagi menyokong rawatan pesakit.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pemeriksaan radiografi am	5,849,654	6,140,000	6,450,000
Bil. Tomografi Berkomputer ( <i>Computed Tomography</i> - CT Scan) di hospital berpakar	355,874	375,000	400,000
Bil. pengimejan <i>Magnetic Resonance</i> (MRI) di hospital berpakar	54,739	57,500	60,400
Bil. pemeriksaan <i>Ultrasound</i> di hospital berpakar	689,358	725,000	760,000

### Aktiviti 21 : Patologi

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan makmal yang sempurna, berkesan dan menyeluruh dan memberi kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan bagi menyokong rancangan Program Rawatan Perubatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. ujian mikrobiologi (pesakit dalam dan pesakit luar)	34,874,461	36,600,000	38,500,000
Bil. ujian patologi kimia ( <i>bio-chemistry</i> )	150,868,745	160,000,000	170,000,000
Bil. ujian hematologi	44,262,890	46,500,000	49,000,000

### Aktiviti 22 : Farmasi dan Bekalan

**Objektif** – Memastikan semua pesakit memperoleh ubat yang ditetapkan (*prescribed*) dalam kualiti dan kuantiti yang berpatutan dan dalam tempoh masa yang sesuai serta memberi keterangan penggunaan yang berkaitan dengan ubat tersebut.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. preskripsi untuk pesakit luar	48,650,000	50,400,000	52,210,000
Bil. preskripsi untuk pesakit dalam	18,600,000	21,390,000	24,600,000

### Aktiviti 23 : Dietetik dan Sajian

**Objektif** – Untuk memastikan makanan dan perkhidmatan dietetik klinikal serta promosi kesihatan dilaksanakan secara profesional, berkualiti dengan mengutamakan pelanggan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. diet pesakit :			
(i) Kelas 1	567,317	596,000	630,000
(ii) Kelas 2	1,404,049	1,475,000	1,550,000
(iii) Kelas 3	9,976,932	10,480,000	11,000,000
Bil. pesakit yang diberi nasihat pemakanan			
(i) Pesakit dalam	169,073	178,000	190,000
(ii) Pesakit luar	78,123	82,000	86,000

### Aktiviti 24 : Kardiorasik

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pembedahan kardiorasik, kardiologi dan anestesia perfusi yang komprehensif untuk penduduk Malaysia supaya dapat mengurangkan morbiditi dan *premature* mortaliti yang disebabkan oleh penyakit jantung yang boleh dirawat secara pembedahan atau perubatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	22,522	24,000	25,000
Bil. pesakit dalam	1,966	2,100	2,200
Bil. pembedahan	2,366	2,500	2,600

### Aktiviti 25 : Perubatan Nuklear

**Objektif** – Meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan nuklear dari segi diagnosis, rawatan dan pemulihan yang berkualiti, tepat serta moden kepada pesakit agar mencapai tahap pemulihan yang optimum.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	84,148	88,000	93,000

### Aktiviti 26 : Perubatan Respiratori

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik-klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*), perkhidmatan diagnosis, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang berkesan bagi pesakit Respiratori dewasa untuk mengembalikan keadaan pesakit-pesakit kepada keadaan kesihatan optima serta berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baru)	37,975	40,000	42,000
Bil. pesakit luar (ulangan)	208,405	220,000	231,000
Bil. pesakit dalam	6,317	6,700	7,100

#### Aktiviti 27 : Psikiatri dan Kesihatan Mental

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik-klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*), perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang berkesan bagi pesakit psikiatri dan kesihatan mental untuk mengembalikan keadaan pesakit-pesakit dengan masalah kompleks kepada keadaan kesihatan optima dan kembali pulih serta mengurangkan kadar kemasukan semula pesakit ke wad dan memendekkan masa tinggal di wad, seterusnya meningkatkan perkhidmatan rawatan pesakit psikiatri dan kesihatan mental di komuniti dan klinik kesihatan dengan melaksanakan perawatan di dalam komuniti yang lebih meluas dengan penglibatan ahli keluarga dalam perawatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baru)	35,939	38,000	40,000
Bil. pesakit luar (ulangan)	524,970	552,000	580,000
Bil. pesakit dalam	17,738	19,000	20,000

#### Aktiviti 28 : Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional dan Komplimentari (TCM)

**Objektif** – Membantu menyediakan pesakit yang kurang upaya dengan kemahiran berdikari yang tinggi dari segi fizikal, psikologi, sosial dan emosi supaya fungsi dan tahap keupayaan dapat dikembalikan ke tahap asal atau sekurang-kurangnya ke tahap optimum.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. pesakit dalam (keseluruhan)	1,116	1,200	1,300

#### Aktiviti 29 : Perubatan Transfusi Darah

**Objektif** – Menyediakan darah dan komponen/produk darah yang selamat, mencukupi dan sesuai dengan amalan prosedur saringan serta penstoran mengikut piawaian antarabangsa dan mewujudkan dan mengekalkan penderma-penderma darah yang selamat serta memastikan penjagaan pesakit yang optima melalui penggunaan darah dan komponen/produk darah yang sesuai, seterusnya menyediakan perkhidmatan tabung darah tali pusat dan ujian penjenisan *Human Leukocyte Antigen* (HLA) mengikut piawaian antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. kutipan darah yang dilakukan di Pusat Darah Negara	166,787	176,000	185,000

### Aktiviti 30 : Perubatan Forensik

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan perubatan forensik yang cekap, berkesan serta meningkatkan piawaian kualiti sejajar dengan kemajuan teknologi dan menyediakan perkhidmatan yang unggul.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. kematian (dalam wad dan kes <i>brought in dead</i> )	72,871	73,000	73,500
Bil. kes yang dilakukan bedah siasat	13,562	14,000	15,000

### PROGRAM 4 : PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL

**Objektif** – Memastikan Program Perubatan dan Program Kesihatan Awam disokong dengan penyelidikan, nasihat profesional dan teknikal.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan Penyelidikan dan Sokongan Teknikal Ibu Pejabat/Negeri

**Objektif** – Merancang, membangun, mengawal dan menyelaraskan segala aktiviti penyelidikan dan sokongan teknikal di KKM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Peratus agihan peruntukan penyelidikan yang mengikut bidang keutamaan (%)	100	100	100

#### Aktiviti 2 : Kejuruteraan

**Objektif** – Merancang, melaksana, mengawas, menyelaraskan dan menilai aktiviti kejuruteraan kesihatan persekitaran, kejuruteraan kemudahan kesihatan dan keselamatan sinaran (perubatan) bagi meningkatkan mutu perkhidmatan serta menjamin keberkesannya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Peratus lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 304 mengikut tempoh yang ditetapkan dengan syarat permohonan lengkap (%)	97	90	90
Peratus peralatan yang mencapai <i>uptime</i> bagi Kejuruteraan Biomedikal (%)	90.75	90	90

#### Aktiviti 3 : Penyelidikan

**Objektif** – Menjalankan penyelidikan dan latihan pelbagai disiplin perubatan termasuk klinikal, kesihatan awam dan sistem serta pengurusan kesihatan.



Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Peratus projek penyelidikan yang dibentangkan secara formal kepada <i>stakeholders</i> (%)	100	100	100
Peratus penerbitan di jurnal antarabangsa (%)	94.3	80	80
Peratus projek penyelidikan yang dijalankan mengikut bidang keutamaan (%)	100	100	100

#### Aktiviti 4 : Perancangan

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan yang cekap, berkesan, bertepatan masa dan mesra pelanggan di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan merangkumi aspek-aspek perancangan dan pembangunan dasar, fasiliti kesihatan, sistem dasar kesihatan serta sistem maklumat kesihatan bersepadu.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. laporan penerbitan (laporan tahunan, laporan subsistem, <i>health facts</i> , laporan penilaian, <i>data request</i> )	18	18	18
Bil. latihan dijalankan untuk anggota	40	30	30
Peratus MBOR ( <i>Medical Brief of Requirement</i> ) yang dihasilkan (%)	100	100	100
Bil. urusetia mesyuarat berjadual	7	7	11
Bil. <i>stakeholders engagement</i>	38	30	38

#### PROGRAM 5 : KESIHATAN PERGIGIAN

**Objektif** – Meningkatkan taraf kesihatan pergigian rakyat Malaysia supaya seseorang individu itu dapat mencapai dan mengekalkan suatu taraf kesihatan bagi membolehkannya hidup sihat serta menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif.

##### Aktiviti 1 : Pengurusan Kesihatan Pergigian Ibu Pejabat/Negeri

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan sumber kesihatan pergigian yang cekap dan berkesan supaya semua aktiviti di bawah program kesihatan pergigian dapat mencapai matlamat dan objektif

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. sijil perakuan pengamalan pergigian yang dikeluarkan kepada pengamal pergigian	5,264	6,200	7,200
Bil. pendaftaran pengamal pergigian	697	830	900
Bil. anggota pergigian yang menghadiri latihan 7 hari dalam setahun	11,719	12,000	13,000
Bil. klinik pergigian yang diaudit untuk <i>safety &amp; health</i>	650	650	660

## Aktiviti 2 : Kesihatan Pergigian Primer

**Objektif** – Menyediakan perkhidmatan pergigian dengan memberi tumpuan khas kepada kanak-kanak pra-sekolah, murid sekolah rendah dan menengah, ibu mengandungi, kumpulan keperluan khas dan warga emas melalui program penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2013 (Sebenar)	2014 (Anggaran)	2015 (Anggaran)
Bil. sekolah yang dilawat :			
(i) Sekolah rendah	7,736	7,738	7,740
(ii) Sekolah menengah	2,283	2,285	2,287
Bil. murid sekolah <i>orally fit</i> :			
